

15/11/2003

Pak Lah, MAP mampu pikat orang Terengganu

Zulkofli Jamaludin

TIADA hadiah paling istimewa yang boleh diberikan Barisan Nasional (BN) Terengganu untuk persaraan Tun Dr Mahathir Mohamad, selain menawan semula negeri itu dengan majoriti dua pertiga pada pilihan raya umum akan datang.

Matlamat itu bukanlah sesuatu yang terlalu sukar dilaksanakan kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, mampu memberi semangat untuk menggerakkan jentera parti bagi menawan semula hati orang Terengganu.

Pemilih yang sebelum pilihan raya umum 1999 menyokong BN perlu dimenangi semula kerana segelintir daripada mereka yang menyokong pembangkang pada pilihan raya lalu kecewa dengan kepemimpinan Umno ketika itu, selain amalan 'peteh keteng.'

Berikutan itu, kunjungan pertama Pak Lah selaku Perdana Menteri esok sangat dinantikan, bukan saja oleh kepemimpinan dan ahli parti komponen BN, tetapi rakyat Terengganu yang mahu melihat sendiri corak kepemimpinannya.

Sebagai pemimpin berpendidikan agama serta cucu seorang ulama, Pak Lah dilihat mampu mendapatkan kembali sokongan rakyat kerana dengan kuasa yang ada padanya, beliau mampu melaksanakan sesuatu yang lebih bermakna kepada negara dan agama, berbanding kerajaan Pas Terengganu.

Pengerusi BN negeri, Datuk Idris Jusoh, berkata sejak dilantik Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri empat tahun lalu, Pak Lah sudah begitu rapat dengan rakyat Terengganu.

Program Gelombang Biru yang dilancarkan Pak Lah tahun ini, berjaya menarik ribuan rakyat, termasuk bekas ahli dan penyokong Pas yang kecewa dengan corak pemerintah kerajaan negeri.

"Sokongan yang ditunjukkan oleh rakyat dari setiap lapisan masyarakat meyakinkan BN untuk menawan semula Terengganu dengan majoriti dua pertiga serta menafikan cita-cita Pas untuk terus berkuasa di negeri ini," katanya.

Dalam simulasi pilihan raya yang diadakan baru-baru ini, semua 291 peti undi di lapan kawasan Parlimen dan 32 Dewan Undangan Negeri (DUN) berjaya digerakkan.

Idris berkata, walaupun Umno menetapkan 200 pemilih saja membuang undi dalam simulasi itu, hampir 400 yang hadir di setiap peti undi untuk memberi sokongan.

Kehadiran ramai penyokong ketika simulasi pilihan raya itu menunjukkan rakyat sudah tidak sabar lagi untuk keluar mengundi pada pilihan raya umum akan datang bagi menukar kerajaan di negeri ini.

Berdasarkan simulasi itu dan kajian yang dilakukan, Umno Terengganu setakat ini yakin dapat menguasai lebih 20 DUN, termasuk kerusi DUN Bandar yang diwakili MCA.

Kajian juga menunjukkan hanya empat DUN menjadi kubu kuat Pas atau kawasan hitam bagi BN iaitu Wakaf Mempelam, Batu Burok, Rhu Rendang dan Manir, manakala lapan DUN dikategorikan sebagai kelabu.

Pada peringkat Parlimen, empat mampu menjadi milik Umno, tiga kelabu dan satu sukar ditembusi iaitu Parlimen Marang yang diwakili oleh Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Pada pilihan raya umum 1999, undi popular Pas di Terengganu sebanyak 58.7 peratus (184,000 undi), manakala BN 39.6 peratus atau 124,700 undi. Dengan keutuhan Umno Terengganu sekarang dan kemasukan ramai ahli dan penyokong Pas, kekurangan 19 peratus agak mudah diperoleh.

Bagaimanapun, dalam perjuangan menawan semula Terengganu, pemimpin yang sudah lama menabur bakti dan masih berpengaruh pada peringkat bahagian perlu bersedia untuk digugurkan daripada senarai calon.

Tiada yang lebih bermakna dalam perjuangan Umno, selain pemimpin veteran memberi laluan kepada muka baru dan sama-sama berganding bahu berkempen dari rumah ke rumah untuk memenangi semula sokongan pengundi.

Sehubungan itu, langkah Umno mengetengahkan calon muka baru, berakhlak dan berpendidikan atau dikenali MAP, dilihat mampu memberi kekuatan untuk memenangi hati orang Terengganu.

Idris berkata, calon muka baru yang berakhlak dan berpendidikan tinggi mampu menjana semula pembangunan, selepas empat tahun terbantut apabila teraju pemerintahan diambil alih oleh Pas.

Dasar `Islam Hadhari, Terengganu Bestari' yang ingin dilaksanakan oleh BN bukan saja untuk kecemerlangan dunia, tetapi kesejahteraan akhirat seperti dituntut oleh Islam.

Bagi mencapai matlamat itu, Idris yang diberi mandat oleh Perdana Menteri untuk menerajui BN negeri, dilihat mampu menggerakkan jentera parti pada peringkat negeri dan akar umbi.

Malah, dengan sokongan padu dan kerjasama daripada kepimpinan Umno bahagian, BN mampu menguasai semula negeri dan meneruskan agenda pembangunan bagi memastikan penduduk serta pelajar di sekolah luar bandar juga boleh mencipta kecemerlangan.

Sehubungan itu, puasa bukanlah halangan untuk rakyat Terengganu beramai-ramai menyambut ketibaan Perdana Menteri di Lapangan Terbang Sultan Mahmud esok bagi menyatakan sokongan dan keazaman bahawa BN sudah bersedia untuk memerintah semula Terengganu.

Ini kerana kesediaan untuk mendengar amanat yang akan disampaikan oleh pemimpin dan melaksanakannya secara ikhlas juga satu ibadat.